

## **Tinjauan Literatur Sistematis berkaitan Pengajaran Budaya Melayu dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk penutur asing**

**Noor Zuhidayah Muhd Zulkipli<sup>1\*</sup>, Norliza Jamaluddin<sup>2</sup>, Alizah Lambri<sup>3</sup> dan Muhamad Fadzilah Zaini<sup>4</sup>**

<sup>1,2,3</sup> Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

<sup>4</sup> Jabatan Bahasa Etnik, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*\*Corresponding author: [zuhidayah@fbk.upsi.edu.my](mailto:zuhidayah@fbk.upsi.edu.my)*

**Received:** 30 April 2025; **Revised:** 16 May 2025; **Accepted:** 24 June 2025; **Published:** 30 June 2025

**To cite this article (APA):** Muhd Zulkipli, N. Z., Jamaluddin, N., Lambri, A., & Zaini, M. F. (2025). Tinjauan Literatur Sistematis berkaitan Pengajaran Budaya Melayu dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk penutur asing. *PENDETA*, 16(1), 237-242. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.20.2025>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.20.2025>

### **ABSTRAK**

Pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing tidak seharusnya terhad kepada aspek linguistik semata-mata, sebaliknya perlu disertakan dengan pemahaman budaya Melayu bagi membentuk penguasaan bahasa yang menyeluruh dan kontekstual. Kajian ini menggunakan pendekatan Systematic Literature Review (SLR) berasaskan garis panduan PRISMA untuk menganalisis 10 artikel berkaitan pengajaran budaya Melayu dalam konteks bahasa Melayu untuk penutur asing. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran budaya yang berkesan melibatkan penggunaan bahan autentik, aktiviti kontekstual dan interaksi komuniti. Tema budaya yang sering diajar termasuk nilai kekeluargaan, adat perkahwinan, pantang larang, kesopanan dan bahasa tubuh. Walau bagaimanapun, antara cabaran utama ialah kekurangan latihan guru, bahan pengajaran yang terhad, serta kekangan masa dan perbezaan persepsi budaya. Kajian ini mencadangkan beberapa amalan terbaik termasuk pembangunan modul budaya yang sistematik, kolaborasi dengan komuniti tempatan dan integrasi elemen budaya dalam kurikulum secara terancang. Hasil kajian ini memberi sumbangan ke arah memperkukuh pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing melalui pendekatan yang lebih holistik dan antara budaya.

**Kata kunci:** tinjauan literatur sistematik; pengajaran budaya; bahasa Melayu untuk penutur asing; strategi pengajaran budaya; tema budaya

### **ABSTRAK**

*Teaching Malay to foreign speakers should not be limited to linguistic aspects alone but must also incorporate an understanding of Malay culture to foster comprehensive and contextual language acquisition. This study employs a Systematic Literature Review (SLR) based on the PRISMA guidelines to analyze 10 relevant studies on the integration of Malay cultural elements in the context of Malay for foreign speakers. Findings indicate that effective cultural teaching approaches include the use of authentic materials, contextual activities, and community-based interaction. Frequently taught cultural themes involve family values, wedding customs, taboos, politeness, and body language. However, key challenges include lack of teacher training, limited teaching materials, time constraints, and cultural perception gaps. The study proposes best practices such as developing structured cultural modules, collaborating with local Malay communities, and integrating cultural elements systematically into the curriculum. The findings contribute to strengthening Malay language teaching for foreign speakers through a more holistic and intercultural approach.*

**Keywords:** systematic literature review; cultural teaching; Malay language for foreign speakers; cultural teaching strategies; cultural themes

## PENGENALAN

Pengajaran bahasa bukan sekadar menyampaikan kemahiran linguistik tetapi turut melibatkan pemahaman budaya (Byram 1997; Kramsch 1993). Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa, budaya memainkan peranan penting dalam memberikan makna dan konteks kepada penggunaan bahasa, khususnya dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada penutur asing. Bahasa Melayu tidak hanya menjadi alat komunikasi semata-mata, sebaliknya mencerminkan nilai, norma dan sistem pemikiran masyarakat Melayu. Hal ini jelas dapat dilihat dalam penggunaan kosa kata berunsur budaya, peribahasa, bentuk sapaan hormat serta gaya komunikasi yang berlandaskan nilai kesopanan dan hierarki sosial.

Asmah Haji Omar (1993) menjelaskan bahawa penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Melayu sangat dipengaruhi oleh latar budaya yang menekankan prinsip budi bahasa dan hormat-menghormati. Dalam pengajaran kepada penutur asing, pengenalan kepada budaya Melayu menjadi elemen penting agar pelajar bukan sahaja memahami struktur bahasa, tetapi juga dapat menggunakan bahasa tersebut secara tepat dan sesuai dengan konteks. Ali dan Ismail (2015) turut menegaskan bahawa unsur budaya perlu diintegrasikan dalam pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing bagi memastikan penguasaan bahasa yang menyeluruh dan bermakna. Hal ini kerana tanpa pemahaman budaya, pembelajaran bahasa boleh menjadi kaku dan terasing daripada dunia sebenar penggunaan bahasa tersebut.

Selain itu, budaya Melayu melatari setiap aspek bahasa baik dari segi gaya komunikasi, pemilihan kosa kata, struktur ayat, ungkapan, peribahasa dan lain-lain. Tambahan pula, penggunaan peribahasa, sapaan hormat, dan laras tidak langsung dalam pertuturan harian merupakan manifestasi langsung pengaruh budaya terhadap bahasa. Aspek budaya perlu diterapkan dalam pengajaran bahasa agar pelajar atau penutur asing dapat memahami dan menguasai bahasa tersebut dengan lebih mendalam.

Namun, walaupun pengajaran budaya diiktiraf sebagai komponen penting dalam pembelajaran bahasa kedua, kajian-kajian dalam konteks bahasa Melayu kepada penutur asing masih tidak sistematik. Selain itu, tidak semua pengajar menyedari atau memiliki kemahiran untuk mengintegrasikan elemen budaya dalam pengajaran mereka. Tambahan pula, bahan pengajaran yang menyokong elemen budaya Melayu juga masih terhad. Kekurangan kajian sistematik dalam bidang ini mewujudkan jurang dalam pengetahuan dan amalan pedagogi. Justeru, kajian ini menjalankan tinjauan sistematik terhadap kajian-kajian berkaitan bagi mengenal pasti pendekatan, tema budaya yang diajar, serta cabaran dan amalan terbaik dalam konteks ini.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

- i. Mengetahui strategi yang digunakan dalam pengajaran budaya Melayu kepada penutur asing
- ii. Menganalisis tema budaya yang kerap diajar dalam konteks bahasa Melayu untuk penutur asing
- iii. Mengetahui kekangan dalam pengajaran budaya Melayu
- iv. Menyusun cadangan amalan terbaik berdasarkan dapatan kajian terdahulu

## METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kualitatif dengan kaedah *Systematic Literature Review* (SLR) berdasarkan pendekatan PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses*). Analisis sistematik ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dengan meneliti artikel jurnal, tesis dan prosiding seminar yang berkaitan dengan budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis strategi yang digunakan dalam pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing, tema yang kerap diterapkan dalam pengajaran bahasa Melayu, kekangan

dalam mengajarkan budaya serta cadangan amalan terbaik untuk mengajarkan budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing.

Kajian ini dijalankan dengan mencari kajian berkaitan di pangkalan data dengan kata kunci carian ialah “pengajaran budaya Melayu”, “bahasa Melayu untuk penutur asing”, “pengajaran bahasa dan budaya”, “*intercultural language teaching*” dan bahasa kedua dengan tempoh kajian ditetapkan 2013 hingga 2025. Carian yang dilakukan ini tertakluk kepada kriteria inklusi seperti kajian empirikal atau ulasan konseptual berkaitan pengajaran budaya dalam konteks bahasa Melayu sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Kriteria pemilihan termasuk kajian yang diterbitkan dalam tempoh sepuluh tahun terakhir, fokus kepada integrasi budaya dalam pengajaran bahasa, serta penggunaan metodologi yang jelas.

Seterusnya, sebanyak 42 artikel telah dikenal pasti melalui carian awal dalam beberapa pangkalan data seperti Scopus, Google Scholar, MyJurnal dan Education Resources Information Center (ERIC). Artikel-artikel ini disaring berdasarkan kriteria inklusi dan eksklusi yang telah ditetapkan. Kriteria eksklusi melibatkan kajian yang bukan dalam konteks bahasa Melayu untuk penutur asing seperti kajian tentang pengajaran budaya dalam bahasa lain, bukan kajian akademik seperti artikel popular, berita, laporan ringkas dan tidak mengandungi elemen pengajaran budaya secara eksplisit. Hasil daripada proses saringan ini, hanya 10 artikel yang memenuhi semua kriteria dan dipilih untuk dianalisis secara tematik kerana mengandungi data, analisis dan perbincangan yang relevan.

## DAPATAN

Berdasarkan pendekatan PRISMA 2020 empat peringkat iaitu pengenaltastian, saringan, kelayakan dan penyertaan dapat menjelaskan pencarian artikel yang memenuhi kriteria untuk kajian ini. Jadual 1 menunjukkan rumusan empat peringkat PRISMA dalam kajian ini:

**Jadual 1** Rumusan empat peringkat PRISMA 2020

| Peringkat       | Proses                                                 | Bilangan artikel |
|-----------------|--------------------------------------------------------|------------------|
| Pengenaltastian | Artikel ditemui melalui carian awal                    | 42               |
| Saringan        | Artikel selepas saringan tajuk/abstrak                 | 40               |
| Kelayakan       | Artikel selepas bacaan penuh dan tapisan ikut kriteria | 10               |
| Penyertaan      | Artikel disertakan dalam analisis akhir                | 10               |

### 1. Pengenaltastian

Rekod dikenal pasti melalui carian pangkalan data seperti Scopus, Google Scholar, MyJurnal dan ERIC. Berdasarkan peringkat pengenaltastian ini, terdapat 42 artikel yang ditemui. Selain itu, tiada rekod tambahan dikenal pasti melalui sumber lain.

### 2. Saringan

Pada peringkat ini, selepas proses penyingkiran artikel pendua, sebanyak 40 rekod dikekalkan untuk disaring. Saringan awal dilakukan terhadap tajuk dan abstrak bagi semua 40 rekod tersebut. Hasil daripada saringan ini, sebanyak 30 artikel telah dikecualikan kerana tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan, sama ada dari segi kesesuaian topik, jenis dokumen atau ketiadaan elemen yang relevan dengan fokus kajian.

### 3. Kelayakan

Sebanyak 10 artikel yang telah melepasi saringan awal seterusnya dinilai dari segi kelayakan melalui laporan penuh. Semua artikel tersebut didapati memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan dan tiada artikel yang dikecualikan pada peringkat ini.

4. Penyertaan

Sebanyak 10 kajian yang memenuhi semua kriteria telah dimasukkan dalam analisis kualitatif untuk tujuan sintesis tematik dan perbincangan dapatan kajian. 10 kajian yang dianalisis adalah seperti dalam Jadual 2.


**Jadual 2** Senarai kajian yang dianalisis

| Bil. | Nama pengkaji (tahun)                                                                                                         | Tajuk kajian                                                                                                                                        |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | Jamilah Bebe Mohamad (2024)                                                                                                   | Elemen budaya dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu untuk pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah                   |
| 2.   | Noor Zuhidayah Muhd Zulkipli, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad dan Shahlan Surat (2022)                                          | Analisis kepercayaan dan amalan pembelajaran pelajar terhadap budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu di IAAS, Rusia                           |
| 3.   | Juwairiah Osman, Mardian Shah Omar, Salinah Jaafar, Zuraina Ali, Suryanti Awang, Haslinda Hashim dan Mardhiyyah Zamani (2021) | Strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing: Pendekatan teknologi (Apps) dan program pengukuhan berdasarkan Model Kolb. |
| 4.   | Noor Zuhidayah Muhd Zulkipli, Jamaludin Badusah dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2020)                                      | Sikap pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Jepun                                        |
| 5.   | Mazlina Baharudin dan Azlina Md. Sadik (2019)                                                                                 | Bahasa merentas budaya: Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar Jepun                                                              |
| 6.   | Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli, Wan Mohamad Wan Muna Ruzanna, Shahlan Surat dan Jamaluddin Badusah (2019)                       | Aspek budaya Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing                                                            |
| 7.   | Junaini Kasdan, Yusmaniza Mohd Yusoff, Nor Hashimah Jalaluddin dan Hasnah Mohamad (2018)                                      | Pembangunan kit video pembelajaran bahasa Melayu penutur asing berteraskan budaya                                                                   |
| 8.   | Noor Zuhidayah Muhd Zulkipli, Jamaludin Badusah dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2019)                                      | Persepsi pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu dalam kelas bahasa Melayu sebagai bahasa asing                                                   |
| 9.   | Yusmaniza Mohd Yusoff, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan dan Hasnah Mohamad (2019)                                      | Representasi budaya dalam kit video pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing: Analisis teori sosiokognitif                                    |
| 10.  | Mazlina Baharudin, Azman Rahmat dan Yusfarina Mohd Yussof (2017)                                                              | Menyulam budaya dalam pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing                                                                                  |

Seterusnya, Rajah 1 menunjukkan proses saringan artikel mengikut garis panduan PRISMA 2020. Berdasarkan Rajah 1, daripada sejumlah 42 artikel yang dikenal pasti dalam carian awal, hanya 10 artikel yang memenuhi kriteria inklusi dan dianalisis secara mendalam dalam kajian ini. Dapatan utama yang diperoleh daripada analisis tersebut merangkumi beberapa aspek penting. Dari segi pendekatan pengajaran, kaedah imersif seperti perbualan harian dan simulasi budaya digunakan, selain penerapan bahan autentik seperti pantun, peribahasa, makanan tradisional dan adat resam. Pengajaran juga dilaksanakan secara kontekstual melalui projek komuniti dan aktiviti lawatan budaya.

Selain itu, bagi tema budaya utama, kajian menekankan nilai kekeluargaan, adat perkahwinan, pantang larang, bahasa tubuh dan kesopanan dalam budaya Melayu, termasuk amalan harian seperti memberi salam, penggunaan panggilan hormat serta sopan santun ketika makan. Dari aspek cabaran pula, dapat dikenal pasti antara cabaran yang dihadapi untuk mengintegrasikan budaya dalam pengajaran bahasa Melayu ialah kekurangan latihan khusus untuk guru, kekangan bahan pengajaran yang terhad dan terlalu umum serta kurikulum yang kurang menekankan aspek budaya. Kekangan masa dalam sesi pembelajaran juga menyukarkan guru untuk menerapkan unsur budaya secara menyeluruh, di samping wujud perbezaan persepsi budaya antara guru dan pelajar.

**Rajah 1** Carta alir PRISMA



Seterusnya, bagi mengatasi cabaran ini, cadangan amalan terbaik merangkumi penyediaan modul budaya yang tersusun, kolaborasi bersama komuniti Melayu setempat serta integrasi unsur budaya dalam pengajaran tatabahasa dan kosa kata secara terancang dan menyeluruh. Tambahan pula, strategi pengintegrasian budaya Melayu dalam pengajaran turut merangkumi penggunaan bahan pengajaran interaktif seperti video, cerita rakyat digital dan aplikasi berasaskan budaya Melayu, latihan guru dalam mengadaptasi budaya Melayu dalam pedagogi pengajaran bahasa serta pembangunan kurikulum yang lebih inklusif dengan menekankan elemen budaya sebagai salah satu komponen utama dalam pembelajaran bahasa Melayu.

## KESIMPULAN

Pengajaran budaya Melayu merupakan elemen penting dalam pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing, namun masih terdapat kekangan dari segi pedagogi dan sumber. Kajian ini menegaskan kepentingan latihan profesional kepada guru, pembangunan bahan ajar yang kontekstual, serta penyelidikan berterusan untuk memperkukuh amalan pengajaran budaya. Seterusnya, pendekatan holistik yang menggabungkan bahasa dan budaya secara bersepadu mampu memperkasa pembelajaran pelajar dan memupuk kefahaman antara budaya yang lebih mendalam. Analisis sistematik ini menunjukkan bahawa integrasi budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu memberikan kesan positif terhadap pemahaman dan sikap pelajar terhadap bahasa. Walaupun terdapat cabaran, strategi yang sesuai dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran. Oleh itu, kajian lanjut perlu

dijalankan bagi memperkukuh penggunaan budaya Melayu dalam pendidikan bahasa Melayu secara lebih menyeluruh.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di bawah Geran Penyelidikan Komprehensif Universiti (GPKU) [Kod penyelidikan: 2025-0016-106-01].

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (1993). *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Byram, M. (1997). *Teaching and Assessing Intercultural Communicative Competences*. Clevedon, Philadelphia: Multilingual Matters.
- Jamilah Bebe Mohamad. (2024). Elemen budaya dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu untuk pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah. *Advance E-Research Magazine*, 5, 90–94.
- Junaini Kasdan, Yusmaniza Mohd Yusoff, Nor Hashimah Jalaluddin & Hasnah Mohamad. (2018). Pembangunan kit video pembelajaran bahasa Melayu penutur asing berteraskan budaya. *PENDETA*, 9, 144–157.
- Juwairiah Osman, Mardian Shah Omar, Salinah Jaafar, Zuraina Ali, Suryanti Awang, Haslinda Hashim & Mardhiyyah Zamani. (2021). Strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing: Pendekatan teknologi (Apps) dan program pengukuhan berdasarkan Model Kolb. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 5(1), 65–82.
- Kramsch, C. (1993). *Context and Culture in Language Teaching*. Oxford, UK: Oxford University Press.
- Mazlina Baharudin & Azlina Md. Sadik. (2019). Bahasa merentas budaya: Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar Jepun. *International Innovation in Teaching and Learning & Language Education Conference (i-InTeLEC 2019)*, 94–100.
- Mazlina Baharudin, Azman Rahmat & Yusfarina Mohd Yussof. (2017). Menyulam budaya dalam pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. *Jurnal Linguistik*, 21 (2). 82-92.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkipli, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad & Shahlan Surat. (2022). Analisis kepercayaan dan amalan pembelajaran pelajar terhadap budaya Melayu dalam pengajaran bahasa Melayu di IAAS, Rusia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7).
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkipli, Jamaludin Badusah & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2020). Sikap pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu dalam pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Jepun. *Dalam Linguistik Bahasa dan Pendidikan*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang, Malaysia. 232-240.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkipli, Wan Mohamad Wan Muna Ruzanna, Shahlan Surat & Jamaluddin Badusah. (2019). Aspek budaya Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. *PENDETA*, 10, 121–133.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkipli, Jamaludin Badusah & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2019). Persepsi pelajar terhadap pengajaran budaya Melayu dalam kelas bahasa Melayu sebagai bahasa asing. *Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastra, dan Budaya Melayu Kedua (SAPBaSBuM 2)*, Goethe University Frankfurt, Jerman.
- Yusmaniza Mohd Yusoff, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Hasnah Mohamad. (2019). Representasi budaya dalam kit video pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing: Analisis teori sosiokognitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(1), 77–91.